




Pena Modern Practices in Teaching and Learning

Journal homepage:
<https://penacendekia.com.my/index.php/pmptl/index>
ISSN: 3093-7345



Keberkesanan Aktiviti Terapi Seni dalam Meningkatkan Perkembangan Kemahiran Motor Halus bagi Murid Masalah Pembelajaran

The Effectiveness of Art Therapy in Enhancing Fine Motor Skill Development among Students with Learning Disabilities

Bong Lie Chien¹, Lau Lee Yin¹, Ivianna Dimah Anak Buntu¹, Vestly Kong Liang Soon^{1,*}

¹ Jabatan Pendidikan Khas, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia, 81310, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 14 March 2025

Received in revised form 30 March 2025

Accepted 15 April 2025

Available online 26 May 2025

ABSTRACT

Pendidikan Seni memainkan peranan penting dalam menyokong perkembangan murid yang mengalami masalah pembelajaran. Kajian ini meneliti keberkesanan aktiviti seni dalam meningkatkan perkembangan kemahiran motor halus bagi murid yang mengalami masalah pembelajaran. Kemahiran motor halus merangkumi keupayaan mengawal pergerakan otot kecil, khususnya tangan dan jari, yang penting dalam tugas harian seperti menulis, melukis, dan menggunting. Murid yang mengalami masalah pembelajaran sering menghadapi kesukaran dalam mengembangkan kemahiran ini, yang boleh menjejaskan prestasi akademik dan kemahiran sendiri mereka. Pendekatan seni seperti mewarna, melukis, menggunting, dan membentuk objek menggunakan tanah liat atau plastisin telah terbukti dapat merangsang koordinasi tangan-mata serta meningkatkan kekuatan dan ketangkasan jari. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian kes dengan melibatkan murid masalah pembelajaran. Data di dalam kajian ini dikumpulkan menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual kemudian data dianalisis secara manual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti seni memberi impak positif terhadap perkembangan kemahiran motor halus murid. Murid menunjukkan peningkatan dalam kemahiran memegang alat tulis dengan lebih stabil, menggunting dengan lebih tepat, serta mengawal pergerakan tangan dengan lebih baik. Selain itu, aktiviti seni juga meningkatkan tahap tumpuan dan kesabaran murid dalam menyelesaikan tugas. Kajian ini membuktikan bahawa terapi seni dapat meningkatkan kemahiran motor halus murid bermasalah pembelajaran dan wajar diterapkan dalam pendidikan khas sebagai kaedah pembelajaran yang berkesan.

Art education plays a crucial role in supporting the development of students with learning disabilities. This study examines the effectiveness of art activities in enhancing the development of fine motor skills in students with learning disabilities. Fine motor skills involve the ability to control small muscle movements, particularly in the hands and fingers, which are essential for daily tasks such as writing, drawing, and cutting.

* Corresponding author.

E-mail address: vestly@fpm.upsi.edu.my

<https://doi.org/10.37934/pmptl.1.1.3343>

Keywords:

Aktiviti seni; kemahiran motor halus;
masalah pembelajaran; pendidikan khas;
perkembangan motor

*Art activities; fine motor skills; learning
disabilities; special education; motor
development*

Students with learning disabilities often face difficulties in developing these skills, which can affect their academic performance and self-care abilities. Artistic approaches such as coloring, drawing, cutting, and shaping objects using clay or plasticine have been proven to stimulate hand-eye coordination and improve finger strength and dexterity. This study employs a qualitative approach through a case study design involving students with learning disabilities. Data for this study were collected through observations and interviews and analyzed manually. The findings indicate that art activities have a positive impact on the development of students' fine motor skills. Students demonstrated improvements in holding writing tools more steadily, cutting more accurately, and better controlling hand movements. Additionally, art activities also enhanced students' focus and patience in completing tasks. This study proves that art therapy can enhance the fine motor skills of students with learning disabilities and should be applied in special education as an effective learning method.

1. Pengenalan

Pendidikan khas merupakan program yang dirancang khusus untuk memenuhi keperluan murid berkeperluan khas (MBPK), termasuk mereka yang mengalami cabaran dalam pembelajaran. Sistem ini bertujuan memastikan akses pendidikan yang setara bagi murid yang mempunyai ketidakupayaan belajar secara normal. Menurut Mat Rabi, Norfishah [1], Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 menyatakan bahawa kanak-kanak kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada pendidikan prasekolah hingga pendidikan tinggi. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas) telah memperkenalkan beberapa program seperti Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI) bagi memastikan MBPK mendapat akses pendidikan yang relevan dan setara. Selain itu, Sekolah Pendidikan Khas (SPK) turut ditubuhkan untuk menempatkan MBPK di semua peringkat persekolahan. Sebahagian MBPK juga mengalami masalah kemahiran motor halus yang menjejaskan kestabilan pergerakan serta koordinasi mata dan tangan. Menurut Yusni Yusoff [2], hal ini memberi kesan kepada aktiviti harian seperti memegang pensel, menggunting, dan melipat kertas. Oleh itu, melalui *School-Based Art Therapy for Students with Learning Disabilities* [3] aktiviti seni diperkenalkan sebagai satu intervensi yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran motor dalam kalangan MBPK. Secara keseluruhan, pendidikan khas memainkan peranan penting dalam memastikan MBPK mendapat akses pendidikan yang inklusif. Melalui pelbagai program dan dasar yang diperkenalkan, KPM berusaha menyediakan peluang pendidikan yang lebih baik bagi murid MBPK. Kajian terdahulu banyak menumpu pada kesan terapi seni terhadap perkembangan emosi, namun masih terhad bukti empirikal tentang keberkesanannya khusus dalam konteks kemahiran motor halus murid pendidikan khas. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang ini dengan menganalisis hubungan langsung antara intervensi seni berstruktur dan peningkatan koordinasi motor halus.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kanak-kanak dengan masalah pembelajaran, seperti yang dijelaskan oleh Nor Asfarul Lail Azwan Haris dan Nor Maizura Ibrahim [4], adalah individu yang mengalami kecerdasan yang tidak sepadan dengan usia biologinya. Menurut Abu Bakar Yusuf *et al.*, [5] masalah pembelajaran merujuk kepada kanak-kanak dengan tahap kecerdasan yang lebih rendah atau lebih tinggi daripada purata. Mereka sering menghadapi masalah kognitif, termasuk kerencatan akal, yang boleh diajar dan mendapat manfaat daripada pendidikan formal. Oleh itu, perkembangan mereka, terutama dalam aspek kognitif dan psikomotor, adalah lebih perlahan berbanding kanak-kanak normal.

Guru yang bertanggungjawab perlu memahami kesulitan yang dihadapi murid-murid ini. Mahfuzah Zainol [6] menyatakan bahawa salah satu halangan utama adalah masalah dalam kemahiran motor, yang sangat mempengaruhi prestasi akademik mereka, terutamanya dalam tugas seperti menulis dan menyalin nota. Kemahiran motor terbahagi kepada dua kategori utama: motor kasar dan motor halus. Kemahiran motor kasar melibatkan pergerakan yang menggunakan otot besar badan, manakala motor halus melibatkan pergerakan otot kecil, terutamanya di tangan dan jari, yang diperlukan untuk kemahiran seperti menggenggam, menulis, dan memegang objek. Menurut Faruk Salih dan Çamlıyer [7], aktiviti psikomotor yang melibatkan latihan pergerakan dapat membantu meningkatkan maklumat deria kanak-kanak. Oleh itu, murid perlu menguasai kemahiran motor halus untuk berjaya dalam tugas akademik mereka.

Untuk membantu murid-murid ini, salah satu kaedah yang efektif adalah dengan terapi seni. Noor Syamiza Wahid [8] menekankan bahawa terapi dalam pendidikan khas bertujuan untuk membantu individu dengan masalah pembelajaran mengatasi kesukaran mereka. Terapi seni melibatkan penggunaan aktiviti seperti menggunting, menyusun, melukis, dan mewarna, yang dapat membantu meningkatkan kemahiran motor halus mereka. Menurut Shirley Nathania dan Stella Sondang [9], aktiviti seni tiga dimensi dapat merangsang koordinasi mata-tangan, meningkatkan ketangkasan manual, dan memperkuat otot motor halus. Oleh itu, terapi seni adalah pendekatan yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran motor halus dalam kalangan murid dengan masalah pembelajaran.

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian oleh Mohd Razimi Husin *et al.*, [10] menunjukkan bahawa masalah kemahiran motor halus menambah kesukaran dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc), di mana guru Pendidikan Khas (PK) perlu memberikan masa yang lebih lama untuk menyelesaikan tugas-tugas yang diberikan kepada MBPK. Hal ini boleh menyukarkan guru dalam menilai tahap kefahaman murid, terutama sekali apabila mereka mengalami kesulitan dalam menyelesaikan tugas bertulis. Selain itu, cabaran lain yang dihadapi oleh guru PK ialah kekurangan latihan dan kemahiran dalam menjalankan aktiviti terapi seni. Kajian oleh Siti Al Munawwarah Shahuddin *et al.*, [11] menunjukkan bahawa pengetahuan guru PK mengenai terapi seni adalah sangat terhad. Walaupun guru PK memahami strategi pengajaran untuk MBPK, mereka kurang menerima latihan khusus dalam melaksanakan aktiviti terapi seni yang efektif. Menurut Jesionkowska [12] Cabaran guru dengan kekurangan sumber, seperti alatan seni yang terhad, dan kekurangan belanjawan untuk membeli bahan yang sesuai. Selain itu, kekangan masa juga menjadi halangan bagi guru PK dalam melaksanakan terapi seni untuk MBPK yang menghadapi masalah kemahiran motor halus. Menurut Nurul Hidayah Liew Abdullah *et al.*, [13] walaupun terdapat pelbagai cabaran, terapi seni boleh menjadi salah satu pendekatan intervensi yang efektif untuk membantu MBPK meningkatkan kemahiran motor halus mereka dan mengembangkan kreativiti serta kemahiran fungsi eksekutif mereka. Namun, terdapat kekurangan kajian mengenai kefahaman guru PK dalam melaksanakan aktiviti terapi seni untuk MBPK masalah pembelajaran, terutamanya berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh mereka dalam proses pengajaran kepada murid yang mempunyai masalah dalam kemahiran motor halus.

1.3 Kerangka Teori

Teori Pelaziman Operan Thorndike, yang diperkenalkan oleh Edward Lee Thorndike pada tahun 1913, merupakan teori pembelajaran yang dikenali sebagai Connectionism. Menurut teori ini, pembelajaran berlaku apabila terdapat hubungan antara rangsangan dan tindak balas. Thorndike

mengemukakan tiga prinsip utama dalam teori ini, iaitu Law of Readiness, Law of Exercise, dan Law of Effect. Law of Readiness menyatakan bahawa individu perlu berada dalam keadaan bersedia untuk belajar agar pembelajaran dapat berlaku dengan berkesan. Law of Exercise menekankan pentingnya latihan berterusan untuk menguatkan hubungan antara rangsangan dan tindak balas, sementara Law of Effect menjelaskan bahawa tingkah laku yang menghasilkan akibat yang positif akan lebih cenderung untuk diulang. Menurut Ali Maki [14] ketiga-tiga hukum ini membentuk proses pembelajaran yang berkesan melalui kesediaan, pengulangan, dan pengukuhan melalui maklum balas positif.

1.4 Kajian-kajian Lepas

Kajian lepas menunjukkan bahawa murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) yang mengalami masalah pembelajaran sering menghadapi cabaran dalam perkembangan kemahiran motor halus. Farizan Che Musa dan Noor Aini Ahmad [15] menegaskan bahawa kemahiran ini penting dalam aktiviti harian seperti menulis dan mewarna. Namun, kajian oleh Akmal Shafie [16] mendapati bahawa murid MBPK sering mengalami kesukaran dalam tulisan tangan akibat kelemahan otot tangan dan masalah kognitif. Selain itu, Muhammad Fahmi Johan Syah *et al.*, [17] menekankan bahawa sokongan guru amat diperlukan untuk membantu murid mengatasi kelewatan perkembangan motor halus, manakala Azita Ali dan Zaiton Abdullah Zawawi [18] menyatakan bahawa MBPK memerlukan lebih masa dalam menyelesaikan tugas yang memerlukan kawalan motor halus.

Pelbagai aktiviti terapi seni telah dikenal pasti berkesan dalam meningkatkan kemahiran motor halus MBPK. Johan Sutarjo [19] mendapati aktiviti mewarna membantu meningkatkan kekuatan pegangan tangan bagi murid Autism Spectrum Disorder (ASD). Selain itu, kajian oleh Akmal Shafie [16] menunjukkan bahawa aktiviti kolaj dapat menguatkan otot tangan dan memperbaiki kawalan motor halus. Nor Az Zahraa Ahmad Tarmidi dan Kamariah Abu Bakar [20] pula mendapati bahawa aktiviti menggunting dan menggunakan *play-doh* dapat membantu meningkatkan koordinasi mata-tangan. Sementara itu, Rashikj Canevska dan Ramo Akgun [21] menyatakan bahawa terapi seni bukan sahaja membantu meningkatkan kemahiran motor halus tetapi juga membantu kanak-kanak berkeperluan khas mengekspresikan diri serta meningkatkan fokus mereka.

Keberkesanan terapi seni dalam membantu perkembangan motor halus MBPK turut diperkuatkan oleh beberapa kajian terdahulu. Kohli, Sharma dan Padhy [22] menunjukkan bahawa murid dengan *disgrafia* mengalami kesukaran menulis akibat masalah motor halus yang boleh diperbaiki melalui latihan terapi seni. Rizqi Fajar Pradipta dan Dimas Arif Dewantoro [23] mendapati bahawa aktiviti origami memberi kesan positif terhadap perkembangan motor halus murid yang mengalami kecacatan intelektual. Sementara itu, Suhaili Ibrahim *et al.*, [24] menekankan kepentingan perkembangan motor dalam membantu pencapaian akademik MBPK, manakala Noorrezan Othman [25] membuktikan bahawa penggunaan alat bantu mengajar dapat memperbaiki kawalan motor halus murid. Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas membuktikan bahawa terapi seni merupakan pendekatan berkesan dalam meningkatkan kemahiran motor halus MBPK, namun kajian lanjut masih diperlukan untuk memperkukuhkan pelaksanaannya dalam sistem pendidikan khas.

2. Metodologi

2.1 Reka Bentuk Kajian

Pengkaji kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif untuk meneroka keberkesanan aktiviti terapi seni dalam meningkatkan perkembangan kemahiran motor halus murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) yang mengalami masalah pembelajaran. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memperoleh pemahaman mendalam mengenai isu yang dikaji melalui pemerhatian langsung dan temu bual. Pengumpulan data melibatkan kaedah triangulasi, iaitu kombinasi pemerhatian, temu bual separa berstruktur, dan analisis dokumen bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan. Pemerhatian dilakukan secara langsung terhadap murid untuk menilai perkembangan kemahiran motor halus mereka, manakala temu bual separa berstruktur dijalankan bersama dua orang guru pendidikan khas bagi mendapatkan perspektif mereka terhadap pelaksanaan terapi seni. Data yang dikumpulkan dianalisis secara induktif melalui proses transkripsi, pengorganisasian data, pengkodan, dan penentuan tema utama. Reka bentuk kajian ini membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih bermakna dan relevan bagi memahami impak terapi seni terhadap perkembangan kemahiran motor halus MBPK.

2.2 Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dalam kajian ini dijalankan secara sistematik bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan. Pengkaji menggunakan dua kaedah utama, iaitu temu bual separa berstruktur dan pemerhatian secara langsung terhadap murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) yang mengalami masalah pembelajaran. Temu bual separa berstruktur dijalankan bersama dua orang guru pendidikan khas bagi mendapatkan maklumat mengenai cabaran perkembangan kemahiran motor halus dalam kalangan MBPK serta pandangan mereka terhadap keberkesanan terapi seni. Sesi temubual dirakam, transkripsi, dan dianalisis bagi mengenalpasti tema utama yang berkaitan dengan objektif kajian. Pemerhatian secara langsung dilakukan semasa pelaksanaan aktiviti terapi seni untuk menilai perubahan dan perkembangan kemahiran motor halus murid. Pengkaji mencatat tingkah laku dan kemajuan murid sepanjang sesi terapi serta mengambil gambar sebagai bukti sokongan. Namun, aspek etika dipatuhi dengan tidak mendedahkan identiti murid kepada pihak luar. Prosedur pengumpulan data ini memastikan kajian memperoleh maklumat yang komprehensif dan mendalam, selaras dengan pendekatan kualitatif yang digunakan. Persampelan tujuan merujuk kepada prosedur persampelan dan dipilih sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan pengkaji.

2.3 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan dua instrumen utama, iaitu temu bual separa berstruktur dan pemerhatian. Temu bual separa berstruktur dijalankan bersama dua orang guru Pendidikan Khas bagi mendapatkan maklumat tentang masalah perkembangan kemahiran motor halus dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) serta pandangan mereka terhadap keberkesanan terapi seni. Hasil temu bual direkod, transkripsi, dan dianalisis bagi mengenalpasti tema utama yang berkaitan dengan objektif kajian. Sementara itu, pemerhatian secara langsung dilakukan bagi menilai perubahan dan perkembangan kemahiran motor halus MBPK sepanjang aktiviti terapi seni dijalankan. Pengkaji merekodkan tingkah laku dan kemajuan murid, serta mengambil gambar sebagai bahan sokongan tanpa mendedahkan identiti mereka. Gabungan kedua-dua instrumen ini memastikan data yang diperoleh lebih komprehensif dan selaras dengan pendekatan kajian kualitatif.

2.4 Prosedur Analisis Data

Prosedur analisis data dalam kajian ini melibatkan beberapa peringkat bagi memastikan data yang diperoleh dianalisis secara sistematik dan menyeluruh. Bagi data temu bual, proses analisis bermula dengan transkripsi rakaman, di mana pengkaji mendengar semula rakaman secara berulang bagi memastikan tiada maklumat penting yang tercicir sebelum menukarkannya ke dalam bentuk teks bertulis. Setelah itu, pengorganisasian data dilakukan bagi menyusun maklumat secara sistematik mengikut kategori yang sesuai, termasuk menukarkan nama peserta kepada nama samaran bagi menjaga kerahsiaan mereka. Seterusnya, proses pengekodan dijalankan dengan memberikan label atau kategori kepada maklumat yang relevan, membolehkan pengkaji mengenal pasti pola atau hubungan dalam data yang diperoleh. Pengekodan ini seterusnya membawa kepada peringkat terakhir, iaitu pengekstrakan tema utama berdasarkan maklumat yang dianalisis, di mana pengkaji mengenal pasti isu-isu utama yang muncul dalam dapatan kajian serta mengaitkannya dengan objektif kajian. Bagi data pemerhatian pula, pengkaji merekod tingkah laku, aktiviti, dan perkembangan kemahiran motor halus murid secara deskriptif, termasuk mengambil gambar sebagai bukti pelaksanaan aktiviti terapi seni. Maklumat ini dianalisis dengan membandingkan perubahan sebelum dan selepas intervensi serta mengenal pasti sejauh mana aktiviti terapi seni memberikan kesan kepada murid yang terlibat. Data daripada kedua-dua sumber, iaitu temu bual dan pemerhatian, kemudiannya dibandingkan dan ditriangulasi bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian, seterusnya memberikan gambaran menyeluruh tentang keberkesanan terapi seni dalam meningkatkan kemahiran motor halus dalam kalangan MBPK masalah pembelajaran.

3. Dapatan Kajian

3.1 Latar Belakang Responden

Peserta kajian pertama iaitu Guru PK1 merupakan seorang guru lelaki yang berusia 54 tahun. Beliau telah melanjutkan Pelajaran tinggi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dalam bidang Pendidikan Khas. Mata Pelajaran yang diajar oleh beliau di sekolah adalah Pendidikan Seni Visual, Pendidikan Islam dan Sains. Kini, pengalaman beliau dalam mengajar MBPK adalah selama 20 tahun. Manakala, peserta kajian kedua iaitu Guru PK2 merupakan juga seorang guru lelaki yang berumur 32 tahun. Beliau telah melanjutkan pelajaran tinggi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Khas dengan kepujian. Beliau mengajar subjek Pendidikan Seni Visual dan Bahasa Melayu di sekolah. Pengalaman mengajar beliau adalah selama tujuh tahun.

3.2 Analisis Data Temubual

Kutipan data diperolehi daripada dua orang guru Pendidikan Khas yang ditemu bual. Untuk menjawab persoalan yang pertama, iaitu masalah perkembangan kemahiran motor halus yang dihadapi oleh MBPK masalah pembelajaran. Oleh itu, terdapat 4 pecahan tema yang terhasil dari aspek masalah perkembangan motor halus iaitu masalah menulis, masalah menggenggam objek, masalah menyiapkan tugas dan masalah melukis garisan. Bagi masalah menulis, kedua-dua guru menyatakan bahawa murid menghadapi kesukaran dalam mengawal pensel, menyebabkan tulisan mereka tidak kemas dan sukar dibaca. Namun, selepas menjalani aktiviti seni seperti mewarna dan melukis, mereka menunjukkan peningkatan dalam kawalan pergerakan tangan, yang turut membantu dalam ketepatan menulis huruf dan nombor. Dalam aspek masalah menggenggam objek, guru melaporkan bahawa murid pada awalnya menghadapi kesulitan untuk mencengkam alat tulis,

gunting, atau berus cat dengan betul. Aktiviti seperti membentuk plastisin dan menampal kertas telah membantu mereka meningkatkan kekuatan dan kestabilan genggaman, menjadikan mereka lebih selesa dalam menggunakan pelbagai peralatan. Bagi masalah menyiapkan tugas, guru menyatakan bahawa murid sering hilang fokus dan mudah berasa letih apabila diberikan tugas bertulis. Namun, aktiviti seni yang lebih interaktif dan menyeronokkan telah meningkatkan daya tumpuan mereka. Murid menjadi lebih berminat dan bersungguh-sungguh untuk menyiapkan tugas, sekali gus menunjukkan peningkatan dalam ketahanan serta disiplin diri. Dalam tema masalah melukis garisan, guru mendapati bahawa murid menghadapi kesukaran dalam menghasilkan garisan lurus atau bentuk asas kerana kurang kawalan tangan. Selepas terlibat dalam aktiviti seni yang melatih pergerakan jari dan tangan secara berulang, mereka menunjukkan peningkatan dalam keupayaan melukis garisan dengan lebih tepat dan stabil. Secara keseluruhan, temu bual ini mengesahkan bahawa aktiviti seni bukan sahaja membantu mengatasi cabaran dalam menulis, menggenggam objek, menyiapkan tugas, dan melukis garisan, tetapi juga memberikan impak positif kepada perkembangan motor halus dan keyakinan diri murid masalah pembelajaran.

Bagi menjawab persoalan kedua pula iaitu apakah jenis aktiviti seni yang dapat meningkatkan perkembangan kemahiran motor halus terhadap MBPK masalah pembelajaran? Hasil ini juga diperolehi daripada data temubual. Bersama dua guru pendidikan khas mengenal pasti tiga jenis aktiviti seni yang berkesan dalam meningkatkan kemahiran motor halus murid masalah pembelajaran, iaitu mewarna, kolaj, dan bermain doh. Aktiviti mewarna membantu murid mengawal pergerakan tangan, meningkatkan kekuatan genggaman, serta memperbaiki koordinasi tangan-mata. Penggunaan pensil warna, krayon, dan berus cat melatih murid mengawal tekanan semasa mewarna, yang turut memberi kesan positif terhadap kemahiran menulis. Aktiviti kolaj, seperti menggunting, mengoyak, dan menampal kertas, melatih ketepatan pergerakan jari serta meningkatkan kekuatan otot tangan. Murid yang pada awalnya sukar mengendalikan gunting menunjukkan peningkatan kawalan selepas menjalani aktiviti ini secara berkala. Aktiviti bermain doh pula membantu menguatkan jari dan meningkatkan fleksibiliti tangan melalui proses menggenggam, menekan, dan membentuk. Aktiviti ini juga merangsang kreativiti serta meningkatkan kawalan pergerakan halus secara semula jadi.

3.3 Analisis Data Pemerhatian

Bagi persoalan kajian yang ketiga, penyelidik menyoal tentang sejauh mana keberkesanan aktiviti seni dalam meningkatkan perkembangan kemahiran motor halus bagi MBPK masalah pembelajaran? Pemerhatian dilakukan terhadap empat orang murid bagi menilai perkembangan kemahiran motor halus mereka selepas terlibat dalam aktiviti seni. Empat aspek utama yang diperhatikan ialah keupayaan memegang pensil dengan betul, menggenggam objek kecil, melukis garisan lurus menggunakan pembaris, dan menyiapkan latihan tugas. Dalam aspek memegang pensil dengan betul, pemerhatian menunjukkan bahawa tiga daripada empat murid mengalami peningkatan dalam kawalan genggaman selepas beberapa sesi aktiviti seni seperti mewarna dan melukis. Murid yang sebelum ini memegang pensil dengan cara yang lemah atau tidak stabil mula menunjukkan cengkaman yang lebih kukuh dan betul. Bagi aspek menggenggam objek kecil, dua murid yang pada awalnya menghadapi kesukaran dalam mengambil dan memindahkan objek kecil, seperti manik dan kertas kecil, mula menunjukkan peningkatan selepas aktiviti seperti kolaj dan bermain doh. Keupayaan mereka untuk menggunakan ibu jari dan jari telunjuk dengan lebih cekap turut diperhatikan. Dalam melukis garisan lurus menggunakan pembaris, tiga murid dapat menunjukkan kawalan tangan yang lebih baik dalam menekan dan menggerakkan pensel secara stabil sepanjang pembaris. Sebelum intervensi seni, murid menghadapi kesukaran mengekalkan tekanan yang sekata,

tetapi aktiviti seni telah membantu meningkatkan koordinasi tangan-mata mereka. Bagi aspek menyiapkan latihan tugas, hanya satu murid dapat melengkapkan tugas dalam tempoh yang ditetapkan sebelum aktiviti seni diperkenalkan. Namun, selepas beberapa sesi, tiga murid menunjukkan peningkatan dalam daya tumpuan dan ketahanan tangan, membolehkan mereka menyelesaikan tugasnya dengan lebih cepat dan kemas.

4. Perbincangan dan Kesimpulan

4.1 Perbincangan

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan kajian dengan menghubungkan penemuan kualitatif kepada teori yang digunakan serta kajian lepas yang berkaitan. Perbincangan disusun mengikut implikasi kajian, iaitu keberkesanan aktiviti seni dalam memantapkan perkembangan kemahiran motor halus murid masalah pembelajaran, cadangan dan kesimpulan. Kemahiran motor halus melibatkan kawalan pergerakan tangan dan jari, yang penting untuk tugas harian seperti menulis dan melukis. Murid masalah pembelajaran sering mengalami kelemahan dalam aspek ini, memberi kesan kepada kejayaan akademik dan kebolehan berdikari mereka. Aktiviti seni seperti mewarna, memotong dan membentuk objek dapat membantu memperkuat kemahiran ini. Oleh itu, kajian ini meneliti sejauh mana aktiviti seni boleh memberi sokongan dalam perkembangan kemahiran motor halus murid masalah pembelajaran.

4.2 Implikasi Kajian

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan aktiviti seni memberikan impak yang baik menyumbang kepada kemajuan kemahiran motor halus murid masalah pembelajaran. Dalam kajian ini, penyelidik telah menilai keberkesanan aktiviti seni dengan memerhatikan empat aspek utama, iaitu keupayaan memegang pensel dengan betul, menggenggam objek bersaiz kecil, menggunakan pembaris untuk melukis garis lurus serta menyiapkan latihan tugas, yang diperhatikan dalam dua situasi, sebelum dan selepas pelaksanaan aktiviti seni. Analisis hasil kajian menjelaskan bahawa penglibatan dalam aktiviti seni menyumbang kepada peningkatan kawalan dan koordinasi motor halus murid masalah pembelajaran. Aktiviti tersebut terbukti berkesan dalam memperkukuh kestabilan otot tangan, memperkukuh hubungan antara pergerakan tangan dan penglihatan, serta memantapkan koordinasi dan kawalan pergerakan halus. Oleh itu, pelaksanaan aktiviti seni memberikan sumbangan yang berkesan dalam menyokong perkembangan kemahiran motor halus murid secara holistik.

Berdasarkan hasil pemerhatian yang telah dilakukan, didapati bahawa aktiviti seni memainkan peranan penting dalam menyokong murid masalah pembelajaran yang mengalami cabaran dalam perkembangan kemahiran motor halus, terutama dalam penggunaan alat tulis seperti kemahiran memegang pensel dengan tepat. Kohli *et al.*, [22] menyokong dapatan ini dengan menyatakan bahawa murid berkeperluan pendidikan khas cenderung mengalami cabaran dalam kemahiran motor halus, termasuk kesusahan untuk mengawal pergerakan jari semasa memegang pensel dengan posisi yang betul. Kesukaran ini boleh menjejaskan kecekapan mereka untuk menulis dengan kemas dan lancar, serta menyebabkan mereka mengambil lebih banyak masa untuk menghabiskan tugas mereka. Jadi, pelaksanaan aktiviti seni terbukti memberi kesan yang positif dalam memperkukuh perkembangan kemahiran motor halus murid, secara khusus dalam aspek kawalan pegangan pensel yang lebih efektif dalam kalangan murid berkeperluan khas.

Hasil pemerhatian membuktikan bahawa aktiviti seni dapat membawa manfaat yang besar kepada murid masalah pembelajaran, terutamanya murid yang mengalami defisit dalam

perkembangan kemahiran motor halus, dengan membantu mereka menggenggam objek bersaiz kecil dengan lebih kuat dan stabil. Ramai dalam kalangan murid ini menghadapi kesukaran dalam memegang objek dengan betul, di mana mereka lebih kerap menggunakan jari tengah dan ibu jari secara dominan daripada jari telunjuk dengan cekap. Rizqi Fajar Pradipta dan Dimas Arif Dewantoro menyatakan bahawa murid yang memiliki kelemahan dalam kemahiran motor halus sering mengalami masalah dalam memastikan pegangan objek yang lebih stabil dan efisien. Kesukaran ini disebabkan oleh kelambatan dalam kemahiran motor dan latihan yang tidak mencukupi untuk menguatkan kemahiran motor halus murid. Penglibatan dalam aktiviti motor halus secara harian amat penting untuk memperbaiki kemahiran motor halus murid. Penerapan aktiviti seni bukan sahaja memberikan pendekatan yang menyeronokkan, tetapi juga terbukti efektif dalam membantu murid memperkukuhkan koordinasi tangan serta memperbaiki kawalan pergerakan murid dengan lebih berkesan.

Selain daripada itu, hasil pemerhatian menjelaskan bahawa murid masalah pembelajaran yang mengalami halangan dalam perkembangan kemahiran motor halus tetap mampu menggunakan pembaris untuk melukis garisan lurus. Pembaris merupakan alat yang boleh memberikan sokongan dan kestabilan, membolehkan murid yang terhad kemahiran motor halusnya mengawal pergerakan pensel atau pensel warna dengan lebih efektif, supaya mereka dapat melukis dan mewarna dengan lebih tepat. Penyelidikan oleh Noorrezan Othman [25] turut menyokong bahawa pembaris adalah alat yang bermanfaat dalam melukis garisan lurus ketika menyelesaikan tugas sekolah. Oleh itu, penglibatan dalam aktiviti seni terbukti efektif dalam memperkuat kemahiran motor halus murid masalah pembelajaran, khususnya dalam aktiviti seperti mencipta garisan lurus dengan pembaris.

Akhirnya, pengkaji mengetahui bahawa aktiviti seni berjaya dalam membantu murid masalah pembelajaran untuk menyiapkan tugas. Setiap murid mempunyai keperluan yang unik untuk menangani isu yang dihadapi. Murid yang menghadapi kesukaran dalam perkembangan kemahiran motor halus mengambil lebih banyak masa untuk menyelesaikan tugas mereka. Ali *et al.*, [18] menyokong dapatan ini, di mana murid yang lemah dalam motor halus menggunakan lebih banyak masa untuk menghabiskan tugas. Justeru, dengan terlibat dalam aktiviti seni, murid masalah pembelajaran boleh menyiapkan tugas mereka dalam tempoh masa yang diberikan.

4.3 Cadangan

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes yang hanya berfokus kepada dapatan kajian melalui temu bual dan pemerhatian. Dalam kajian lanjutan, pengkaji menyarankan agar kaedah kuantitatif digunakan bersama untuk mendapatkan dapatan yang lebih komprehensif. Seterusnya, kajian ini tertumpu kepada dua orang guru pendidikan khas yang bertugas di sekolah yang sama. Kajian lanjutan boleh melibatkan lebih ramai guru pendidikan khas dari pelbagai sekolah yang mempunyai pengalaman dalam mendidik murid masalah pembelajaran.

Kajian ini melibatkan empat orang murid masalah pembelajaran yang mengalami kekangan dalam perkembangan kemahiran motor halus. Untuk kajian lanjutan, disarankan agar penyelidikan ini turut melibatkan murid masalah pembelajaran dengan tahap kesukaran berbeza dalam kemahiran motor halus, bermula dari tahap kesukaran rendah hingga ke tahap yang lebih tinggi. Pendekatan ini akan menyokong pengumpulan maklumat yang lebih mendalam dan bermanfaat bagi mendapatkan pemahaman yang lebih jelas bagaimana aktiviti seni mempertingkatkan kemahiran motor halus dalam kalangan murid masalah pembelajaran. Selain itu, kajian ini hanya menitikberatkan kepada penggunaan aktiviti seni untuk mempertingkatkan kemahiran motor halus. Penyelidikan lanjutan boleh mengkaji pelbagai jenis aktiviti seni lain bagi menilai dengan lebih baik kesannya terhadap perkembangan kemahiran motor halus dalam kalangan murid masalah pembelajaran. Akhir sekali,

kajian ini hanya menumpukan kepada perkembangan keupayaan motor halus dalam kalangan murid masalah pembelajaran. Untuk kajian lanjutan, disarankan agar penyelidikan turut melibatkan murid lain, seperti yang mengalami gangguan perkembangan atau kelewatan kemahiran motor halus bagi menilai keberkesanan aktiviti seni dalam mempertingkatkan kemahiran motor halus murid berkeperluan pendidikan khas.

4.4 Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauh mana aktiviti seni berkesan dalam memperkembangkan kemahiran motor halus murid masalah pembelajaran. Hasil kajian mendapati bahawa aktiviti seni dapat membantu memperbaiki kawalan serta koordinasi pergerakan tangan dan jari dalam kalangan murid yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Penemuan ini sejajar dengan kajian-kajian terdahulu yang membuktikan bahawa pendekatan seni mengukuhkan perkembangan kemahiran motor halus. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai batasan tertentu kerana hanya melibatkan sebilangan kecil murid daripada satu pusat pendidikan. Oleh itu, kajian pada masa hadapan disarankan untuk diperbesar dengan melibatkan lebih ramai peserta dari pelbagai aspek latar belakang bagi memperoleh dapatan yang lebih lengkap. Selain itu, kajian lanjutan juga boleh meneliti keberkesanan pelbagai bentuk aktiviti seni dalam menyokong perkembangan kemahiran motor halus mengikut tahap kesukaran yang berbeza dalam kalangan murid berkeperluan khas.

Penghargaan

Penyelidikan ini tidak dibiayai oleh sebarang geran.

Rujukan

- [1] Kerajaan Malaysia. *Akta Orang Kurang Upaya 2008*. Undang-Undang Malaysia Akta 685.
- [2] binti Yusoff, Yusni. "Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Belajar Dalam Kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Dengan Menggunakan Modul Origami." *Amalan Terbaik Dalam Pendidikan Khas Dan Inklusif* 1, no. 1 (2022). <https://publication.seameosen.edu.my/index.php/amalanterbaik/article/download/283/287/870>.
- [3] Anderson, Alida. *Integrating Art Therapy into the Classroom: A Case Study*. Washington, DC: American University, 2022.
- [4] Haris, Nor Asfarul Lail Azwan, dan Nor Maizura Ibrahim. "Perkembangan Kognitif dan Masalah Pembelajaran dalam Kalangan Kanak-Kanak." *Jurnal Pendidikan Khas* 11, no. 2 (2021): 45-58.
- [5] Abu Bakar Yusuf, Zaini Abdullah, Abdul Rahim Razali, Reduan Jaffar, Norfaizatul Suhana Abdullah Zawawi, dan Hasni Othman. 2019. "Kaedah Belajar Melalui Bermain dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu terhadap Murid-Murid Masalah Pembelajaran." *International Conference on Special 9th Series 2019*.
- [6] Zainol, Mahfuzah. "Pelaksanaan Terapi Carakerja Demi Penguasaan Kemahiran Motor Halus Murid Berkeperluan Khas di Sekolah." *ResearchGate*, 2022.
- [7] Salih, Faruk, dan Hüseyin Çamlıyer. "The Effect of Psychomotor Activities on the Sensory Development of Children." *Journal of Physical Education and Sport Sciences* 12, no. 3 (2019): 45-53.
- [8] binti Wahid, Noor Syamiza. "Meningkatkan Kemahiran Motor Kasar Murid Bermasalah Pembelajaran Melalui Pendekatan Terapi Multisensori." *Amalan Terbaik Dalam Pendidikan Khas Dan Inklusif* 1, no. 1 (2022).
- [9] Suhanjoyo, Shirly Nathania, dan Stella Sondang. "Terapi Seni bagi Anak Autis." *Patria: Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat* 2, no. 2: 83-90. <https://doi.org/10.24167/patria.v2i2.2771>
- [10] Husin, Mohd Razimi, Muhammad Farhan Suhaimi, Suhailah Md Hamil, and Nurul Natasha Azmi. "Masalah pembelajaran untuk pelajar pendidikan khas: dana dan prasarana." *International Journal of Humanities, Management and Social Science* 3, no. 1 (2020): 1-10. <https://doi.org/10.36079/iamintang.ij-humass-0301.106>
- [11] Shahuddin, Siti Almunawwarah, Mohd Zahuri Khairani, and Md Nasir Ibrahim. "Tugasan seni terapeutik dalam meningkatkan tahap keyakinan diri murid di Sekolah Rendah." *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni* 9, no. 2 (2021): 42-51. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.2.4.2021>
- [12] Jesionkowska, Joanna, Fridolin Wild, and Yann Deval. "Active learning augmented reality for STEAM education—A case study." *Education Sciences* 10, no. 8 (2020): 198. <https://doi.org/10.3390/educsci10080198>

- [13] Abdullah, Nurul Hidayah Liew, Siti Fatimah Mohd Jamil, Marina Ibrahim Mukthar, Aini Nazura Paimin, dan Maziana Mohamed. "Persepsi Bakal Guru Pendidikan Khas terhadap Pendidikan Khas di Malaysia." *Jurnal Sains Insani* 6, no. 1 (2021): 1-10. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no1.260>
- [14] Makki, Ali. "Mengenal Sosok Edward Lee Thorndike Aliran Fungsionalisme dalam Teori Belajar." *Pancawahana: Jurnal Studi Islam* 14, no. 1 (2019): 78-91.
- [15] Musa, Farizan Binti Che, and Noor Aini Binti Ahmad. "Evaluating the Awareness of Fine Motor Skills in Teaching and Learning for Students with Special Education Needs (Learning Disabilities) among Teachers." *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9 (11), 1213 1220 (2019). <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v9-i11/6649>
- [16] binti Shafie, Akmal. "Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Motor Halus Dalam Kalangan Murid Masalah Pembelajaran Melalui Aktiviti Kolaj." *Amalan Terbaik Dalam Pendidikan Khas Dan Inklusif* 1, no. 1 (2022).
- [17] Syah, Muhammad Fahmi Johan, Nur Amalia, Sri Budi Utami, Nanik Dwi Astuti, dan M. Rohmadi. "Penguatan Dinamika Interpersonal Keterlambatan Motorik Halus bagi Anak SD Kelas Rendah." *Buletin KKN Pendidikan* 3, no. 4 (2021): 1–10. <https://doi.org/10.23917/bkknndik.v3i1.14667>
- [18] Ali, Azita, and Zaiton Abdullah Zawawi. "Tahap penguasaan terhadap komponen masakan dalam kalangan pelajar pendidikan khas masalah pembelajaran." *Online Journal for TVET Practitioners* 3, no. 1 (2018).
- [19] Sutarjo, Johan. "Painting as a Means of Art Therapy for Children–Children with Autism Spectrum Disorder (Case Study in Kaliwungu Kudus State Extraordinary School)." *Jurnal Indonesia Sosial Sains* 4, no. 02 (2023): 97-105. <https://doi.org/10.59141/jiss.v4i02.772>
- [20] Ahmad Tarmidi, Nor Az Zahraa, dan Kamariah Abu Bakar. "Kemahiran Menggunting dan Kesannya terhadap Kemahiran Menulis Kanak-kanak Prasekolah." *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan* 11, (2022): 13–21. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.sp.2.2022>
- [21] Rashikj Canevska, Olivera, and Nergis Ramo Akgün. "Implementation of art therapy for children with special educational needs." Gece Publishing, 2021.
- [22] Kohli, Adarsh, Samita Sharma, and Susanta K. Padhy. "Specific learning disabilities: Issues that remain unanswered." *Indian journal of psychological medicine* 40, no. 5 (2018): 399-405. https://doi.org/10.4103/IJPSYM.IJPSYM_86_18
- [23] Pradipta, Rizqi Fajar, dan Dimas Arif Dewantoro. "Origami and Fine Motoric Ability of Intellectual Disability Students." *International Journal of Innovation, Creativity and Change* 5, no.5 (2019): 215–228.
- [24] Ibrahim, Suhaili, Dzalani Harun, Masne Kadar, Nor Afifi Razaob, Nor Azlin Mohd Nordin, dan Evelyn Jong Tze Hui. "Motor Performance and Functional Mobility in Children with Specific Learning Disabilities." *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences* 15, no. 1 (2019): 56–63.
- [25] Othman, Noorrezan Bt. "MAGIC RULER: MENINGKATKAN KEFAHAMAN MURID TAHUN SATU DALAM MENAMBAH DAN MENOLAK NOMBOR DALAM LINGKUNGAN 100." *In Collaboration* 2 (2022): 160.